

01 JAN 2002

Mahathir-Menteri

MENTERI KEWANGAN KEDUA MUNGKIN DILANTIK, KATA DR MAHATHIR

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau masih memerlukan seorang Menteri Kewangan atau sekurang-kurangnya seorang Menteri Kewangan Kedua untuk membantunya menguruskan ekonomi negara.

"Kalau pun tidak mengambil alih daripada saya sebagai Menteri Kewangan, tetapi mungkin sebagai pembantu saya.

"Biasa diadakan Menteri Kewangan Kedua, mungkin juga. Ini satu pendekatan yang kita akan pilih kerana tugas Menteri Kewangan ini amat berat," kata Dr Mahathir yang mengambil alih tugas Menteri Kewangan selepas Tun Daim Zainuddin meletakkan jawatan pada 1 Jun 2001.

Bercakap dalam program "Wawancara BERNAMA dengan Perdana Menteri" di Putrajaya, Dr Mahathir berkata beliau merasakan tugas sebagai Menteri Kewangan "satu beban yang besar" baginya kerana beliau juga terpaksa memikul tanggungjawab sebagai Perdana Menteri.

Wawancara itu yang dikendalikan oleh Ketua Pengarang Bernama Jaafar Hussin dan Penolong Pengarang E.Sivabalan itu disiarkan melalui RTM dan Astro malam ini.

Kata Dr Mahathir, beliau perlu mencari seorang yang "cukup sesuai" untuk jawatan itu.

Kini, Dr Mahathir dibantu oleh dua orang Timbalan Menteri Kewangan iaitu Datuk Dr Shafie Mohd Salleh dan Datuk Chan Kong Choy. Beliau juga mempunyai dua orang penasihat ekonomi iaitu Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan bekas Gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman.

Ketika ditanya sama ada beliau telah mengenal pasti calon bagi jawatan Menteri Kewangan atau Menteri Kewangan Kedua, Dr Mahathir berkata: "Belum lagi."

Ketika ditanya sama ada pelantikan itu akan dibuat dalam tempoh terdekat ini, beliau berkata: "Belum saya tentukan."

Mengenai pendapat beberapa pihak dan penganalisis ekonomi bahawa sejak beliau memegang jawatan Menteri Kewangan, terdapat lebih ketelusan dan pengurusan korporat yang lebih baik. Dr Mahathir berkata ia persepsi orang.

"Ia mungkin berasas tetapi kita daripada dulupun mahu kendalikan segala urusan kewangan negara secara telus, ini dapat dilihat oleh rakyat tapi kadang-kadang ternampak seolah-olah ada pihak yang mendapat layanan yang istimewa dan ini menimbulkan tanda tanya.

"Sekarang ini kita mengkaji semula kerana kini terdapat lebih ramai Bumiputera yang terlibat dengan perniagaan dan mereka juga mempunyai kemampuan tertentu dan kita berpendapat mereka harus diberi peluang dan tidak terhad kepada orang yang telah menunjuk kebolehan mereka dahulu," katanya.

Oleh itu, kerajaan sekarang memberi kontrak kepada banyak orang yang menyertai tender, khususnya kepada orang-orang yang ada kepakaran untuk kes-kes tertentu.

Menyentuh tentang prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang dikatakan begitu menggalakkan sejak dua bulan lepas dan kemungkinan indeks kompositnya melepasi paras 700 mata tidak lama lagi, Dr Mahathir berkata: "Kalau pelabur itu membuat kajian secara ilmiah, tidak terpengaruh dengan "prasangka politik" mereka, saya yakin mereka akan dapati ekonomi Malaysia lebih sihat daripada kebanyakan ekonomi negara-negara lain.

"Jika mereka ingin melihat pelaburan mereka mendatangkan hasil, mereka akan melabur di Malaysia. Masalah kita ialah kita dapat "bad press" iaitu

sampai sekarang ini pun media asing sengaja memburukkan keadaan dalam Malaysia."

-- BERNAMA

ES ES PR